



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	15/10/2019	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Lelaki Rohingya didakwa ceroboh hutan simpan

ALOR SETAR - Seorang lelaki Rohingya mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menceroboh sebahagian Kompartmen 11 Hutan Simpan Koh Moi.

Tertuduh, Moktul Husson Guramiah, 25, yang merupakan pemegang kad UNHCR didakwa melakukan perbuatan tersebut pada 9 Mac lepas.

Tertuduh membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Murtazadi Amran.

Mengikut fakta kes tertuduh ditemui sedang melakukan aktiviti pembersihan tanah dalam kawasan berkenaan dalam operasi penguatkuasaan dilakukan jam 10.30 pagi pada 9 Mac lepas.

Selain itu dua parang dipercayai digunakan untuk tujuan pembersihan tanah hutan simpan tanpa kebenaran sah turut dijumpai bersama dengan tertuduh.

Sementara itu di mahkamah sama, seorang warga emas, Harun Mat, 64,



Moktul Husson didakwa di Mahkamah Sesyen Alor Setar semalam.

yang didakwa memasuki kawasan Kompartmen 11, Hutan Simpan Koh Moi tanpa lesen, permit atau apa-apa kebenaran pada tarikh dan waktu sama tidak mengaku bersalah atas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Terdahulu pendakwa-an dikendalikan Timbalan

Pendakwaraya Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Mason Jarp Lenya Barayan.

Hakim Murtazadi menetapkan 13 November untuk menjatuhkan hukuman kepada tertuduh pertama manakala tarikh bicara untuk tertuduh kedua.